

ORIGINAL ARTICLE

Elemen Nilai Dalam Teks Sastera Kisah Para Nabi Untuk Bacaan Kanak-kanak Menurut Perspektif al-Nadwi

Mohd Shahrizal Nasir^{1,*}, Kamarul Shukri Mat Teh²

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

ABSTRAK – Pendidikan merupakan antara misi penting dalam usaha dakwah Islamiah oleh Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (1914-1999, seterusnya al-Nadwi). Al-Nadwi telah mengupas pelbagai isu berkaitan pendidikan khususnya untuk kanak-kanak Muslim bagi memastikan generasi umat Islam mendapat pendidikan yang sempurna. Pendidikan yang ditekankan oleh al-Nadwi adalah pendidikan yang berteraskan Islam selaras dengan komitmen beliau sebagai seorang pemikir Islam tersohor. Lebih menarik untuk diperhatikan ialah apabila al-Nadwi yang merupakan seorang pemikir hebat, turut berusaha memberi perhatian terhadap kesusasteraan. Malah beliau telah menjadikan karya kreatif sastera sebagai bahan bacaan penting untuk mendidik golongan kanak-kanak. Hal ini diserlahkan menerusi karyanya berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (*Kisah Para Nabi Untuk Kanak-Kanak*) yang diterbitkan pada tahun 1946. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis karya al-Nadwi *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* tentang kisah para nabi bagi mengenal pasti nilai yang dipaparkan dalam karya tersebut. Selain itu, kajian ini bertujuan menghuraikan penerapan nilai berdasarkan kisah para nabi dalam pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif al-Nadwi. Kaedah analisis teks akan digunakan dengan meneliti karya al-Nadwi tersebut berdasarkan nilai Islam yang disandarkan kepada empat sifat bagi para rasul. Hasil penelitian mendapati bahawa semua nilai yang terkandung dalam kisah para nabi seperti berani atas kebenaran, dedikasi menggalas tanggungjawab, bijaksana dalam setiap tindakan dan konsisten melaksanakan usaha penyebaran dakwah merupakan nilai-nilai murni yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan bermula dari usia kanak-kanak. Nilai-nilai yang baik inilah akan dapat menyerlahkan keluhuran sahsiah insan seawal usia kanak-kanak sepetimana yang dituntut oleh Islam.

ARTICLE HISTORY

Revised: 24 June 2021

Accepted: 27 June 2021

KEYWORDS

Kisah para Nabi
 Nilai dalam karya sastera
 Pendidikan kanak-kanak
 Sastera kanak-kanak Islami
 Teks sastera

Children education
Islamic children literature
Literary texts
Stories of the Prophets
Values in literary work

Elements of Value in Literary Text of the Prophets' Stories for Children's Reading from al-Nadwi's Perspectives

ABSTRACT – Education is one of the crucial missions in Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi’s effort of Islamic preaching (1914-1999, later al-Nadwi). Al-Nadwi has addressed various issues related to education specifically for Muslim children, the purpose being to ensure that the Muslim generation receives comprehensive education. The education emphasized by al-Nadwi is Islamic-based education which is in line with his commitment as a prominent Islamic thinker. It is also interesting to note that although al-Nadwi was a great thinker, he tried to pay attention to literature. In fact, he has made literary creative works as an important reading material to educate children. Such prominence is highlighted through his work *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (*The Story of the Prophets for Children*) published in 1946. Therefore, this study will analyze al-Nadwi’s work entitled *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* on the stories of the prophets to identify the value displayed in the book. In addition, this study aims to describe the application of values based on the stories of the prophets in early childhood education according to al-Nadwi’s perspective. The method of text analysis will be used in analyzing al-Nadwi’s work based on the Islamic values related to the four attributes of the prophets. The analysis found that all the values in the stories of the prophets such as courage in the truth, dedication to bear responsibility, wisdom in action, and striving to spread Islam are among the values that every human being should possess from childhood. These good values will highlight the sublimity of human personality as early as childhood which is required in Islam.

PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan golongan yang memerlukan pendidikan terbaik sesuai dengan peringkat pembesaran mereka. Proses pendidikan kanak-kanak terletak atas tanggungjawab golongan dewasa khususnya ibu bapa. Golongan kanak-kanak bergantung sepenuhnya terhadap kebijaksanaan ibu bapa dalam memberikan pendidikan yang diperlukan oleh mereka. Keculasan ibu bapa dalam memberikan input pendidikan yang terbaik untuk kanak-kanak akan memberi kesan tidak baik dalam diri dan hal ini seterusnya akan mempengaruhi sahsiah mereka apabila mencapai usia dewasa.

Oleh itu, Islam amat mementingkan aspek pendidikan bermula daripada peringkat kanak-kanak. Kepentingan menuntut ilmu termasuk bagi golongan kanak-kanak menzahirkan tanggungjawab golongan dewasa khususnya ibu bapa mereka untuk memberi pendidikan terbaik selaras dengan ketetapan Islam. Perintah agar memberi didikan kepada kanak-kanak dapat difahami menerusi sabda Rasulullah yang menggesa para ibu bapa mengajar anak-anak menunaikan sembahyang fardu lima waktu. Hal ini menunjukkan bahawa proses mendidik insan dengan ilmu yang benar iaitu ilmu yang sejajar dengan wahyu, perlu dimulakan sejak daripada usia kanak-kanak.

Rentetan daripada penekanan yang diberikan oleh Islam terhadap pendidikan untuk golongan kanak-kanak, para sarjana Islam telah berusaha memperjelas hal ini. Antara tokoh sarjana kontemporari yang membahaskan perihal pendidikan untuk kanak-kanak dalam konteks Islam ialah Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi) yang hidup dari tahun 1914 hingga 1999. Beliau merupakan seorang tokoh sarjana Islam berasal dari India. Usaha yang dilakukan oleh al-Nadwi dalam bidang pendidikan bukan sahaja dilihat daripada penghasilan buku-buku tulisannya sahaja, tetapi turut disaksikan melalui usaha dakwahnya merentasi sempadan bumi kelahirannya, India serta penglibatan dirinya secara aktif sebagai penggerak sebuah pusat ilmu dikenali Darul Ulum Nadwah al-‘Ulama (Mohd Shahrizal, 2020). Institusi pendidikan tersebut mendapat pengiktirafan dan penghormatan di peringkat global sepanjang empat dekad berada di bawah pentadbiran al-Nadwi.

Meskipun al-Nadwi dilihat sebagai seorang tokoh sarjana Islam yang terlibat dalam cakupan perbincangan pelbagai cabang ilmu pengetahuan, namun beliau tetap memberi perhatian khusus terhadap pendidikan untuk golongan kanak-kanak. Al-Nadwi menghasilkan karya khusus untuk bacaan kanak-kanak dengan memberi penekanan terhadap sumber-sumber berautoriti dalam Islam. Hal ini menggambarkan aspirasi al-Nadwi yang menginginkan kanak-kanak daripada kalangan umat Islam mendapat pendidikan berteraskan Islam seawal usia mereka. Antara karya al-Nadwi yang dihasilkan khusus untuk golongan kanak-kanak ialah *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (QNLA) yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu sebagai “Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak”.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Penghasilan karya sastera yang dikhurasukan untuk kanak-kanak dengan koleksi paparan sejumlah besar kisah para nabi membuktikan wujudnya sudut pandang tersendiri al-Nadwi tentang Sastera Kanak-Kanak Islami (Sajad Ahmad, 2019; Mohd Shahrizal, 2021). Malah usaha al-Nadwi menghasilkan karya ini yang terdiri daripada beberapa jilid dengan mengambil masa beberapa tahun menunjukkan betapa beliau konsisten dengan manhajnya mengetengahkan kisah-kisah para nabi untuk bacaan golongan kanak-kanak. Dengan kesibukan al-Nadwi menghasilkan banyak buku dan makalah mencakupi pelbagai disiplin ilmu Islam, beliau turut meletakkan perhatian yang serius dan istiqamah bagi menghasilkan bahan bacaan berunsur sastera khusus untuk golongan kanak-kanak.

Dalam mukadimah karya QNLA, al-Nadwi (1997) menyebut bahawa usahanya menghasilkan karya berteraskan kisah para nabi dan sejarah Islam merupakan satu usaha permulaan atau *al-khutwah al-bida’iyah* yang perlu disusuli dengan penghasilan banyak lagi karya seumpamanya. Gesaan al-Nadwi tersebut menjelaskan lagi pendiriannya yang melihat keperluan kanak-kanak Muslim didehdahkan dengan kisah para nabi dan tokoh-tokoh yang terlibat dalam lipatan sejarah perkembangan Islam. Dalam era kesusasteraan moden, al-Nadwi telah bertindak sebagai penggerak kepada usaha memperkasakan kisah para nabi untuk golongan kanak-kanak. Usaha ini menimbulkan persoalan tentang elemen penting yang terkandung dalam kisah para nabi dan sejauh mana kesesuaianya dengan peringkat umur kanak-kanak.

Penekanan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap kisah para nabi dilihat sebagai teras penting dalam pendidikan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan betapa kukuhnya pemahaman al-Nadwi tentang keperluan meletakkan ajaran Islam sebagai asas penting dalam pendidikan. Pendedahan kisah para nabi kepada kanak-kanak pasti berdasarkan kelebihan yang terdapat dalam kisah-kisah tersebut. Hal ini disandarkan kepada kedudukan para nabi yang merupakan insan pilihan Allah dengan diamanahkan untuk menyebarkan risalah-Nya. Para nabi menggalas tanggungjawab sebagai utusan Allah dengan cara mereka sendiri perlu menjadi suri teladan kepada umat masing-masing. Dari sini timbul persoalan tentang bentuk teladan dalam kehidupan para nabi yang bersesuaian dengan tahap pemikiran kanak-kanak. Sememangnya para nabi merupakan kelompok insan mulia yang perlu dicontohi oleh setiap manusia tanpa mengira peringkat umur. Namun, kesesuaian pengisian tentang kehidupan para nabi untuk diamati oleh golongan kanak-kanak perlu diberi perhatian sewajarnya. Hal ini mengundang keperluan untuk mengetahui nilai yang diketengahkan oleh al-Nadwi dalam kisah para nabi untuk perhatian kanak-kanak.

Kisah kehidupan para nabi yang mesti dicontohi oleh manusia termasuk kanak-kanak perlu difokuskan kepada nilai yang terkandung dalam kisah tersebut. Kehidupan para nabi bukan sekadar perlu diketahui dari sudut pengisahannya sahaja, sebaliknya nilai-nilai murni yang terdapat di dalamnya perlu diamati dan kemudian dapat diperaktikkan dalam kehidupan seharian. Hakikatnya, para nabi diiktiraf oleh Allah sebagai kelompok manusia yang perlu dicontohi, dengan kisah kehidupan mereka direkodkan dalam al-Quran. Oleh itu, penerapan nilai-nilai murni yang digarap oleh al-Nadwi dalam karyanya berasaskan kisah kehidupan para nabi perlu dihirau untuk melihat kewajarannya sebagai sebuah karya yang boleh dijadikan sumber asas dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang dinyatakan, dan bertitik-tolak daripada usaha al-Nadwi mempersembahkan kisah para nabi khusus untuk bacaan kanak-kanak, kesemua ini mengundang keperluan untuk melakukan satu penelitian melibatkan nilai-nilai murni dalam kisah para nabi yang dimuatkan dalam karya al-Nadwi untuk kanak-kanak. Menjadikan karya al-Nadwi berjudul *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (QNLA) sebagai teks kajian, kajian ini menggariskan dua objektif kajian sepetimana yang berikut:

- 1) Mengenal pasti nilai dalam kisah para nabi yang dimuatkan dalam karya al-Nadwi untuk kanak-kanak.
- 2) Menghurai penerapan nilai dalam karya al-Nadwi tentang kisah para nabi untuk tujuan pendidikan awal kanak-kanak.

SOROTAN LITERATUR

Sastera merupakan satu bidang yang tidak boleh dipisahkan daripada pendidikan. Oleh itu, sastera perlu dimanfaatkan sebagai wadah penyampaian ilmu kepada manusia. Dalam konteks ini, golongan kanak-kanak adalah kumpulan manusia yang sewajarnya mendapat manfaat menerusi bahan sastera yang bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Sastera Kanak-kanak dilihat berfungsi menambah manfaat dalam kehidupan, membentuk keutuhan peribadi dan memberi pengalaman kerohanian kepada kanak-kanak. Misran (2001) menyatakan bahawa Sastera Kanak-kanak adalah agen pembangunan yang menjurus kepada perkembangan dan pembangunan diri manusia meliputi soal emosi, pemikiran dan bahasa. Selain itu, Hadijah (2006) menyatakan bahawa Sastera Kanak-kanak berperanan sebagai penyalur nilai-nilai pembangunan, pencapaian serta pembinaan konsep wira dan cemerlangan dalam diri kanak-kanak. Buku kanak-kanak berperanan untuk mendidik dan memberikan ilmu pengetahuan termasuk memupuk minat membaca dalam diri tanpa meminggirkan aspek estetika (Kaithiri & Rohaya, 2019).

Menyedari tentang kepentingan bahan bacaan sastera untuk kanak-kanak, aspek kandungan bahan bacaan yang membawa nilai-nilai murni perlu diperhalusi. Elemen nilai murni dalam bahan bacaan sastera perlu dibincangkan agar dapat mendidik, mengajar dan memupuk dengan menjadikan watak utama novel kanak-kanak sebagai contoh baik yang mengamalkan nilai murni. Chew et al. (2008) berpendangan mutu bahan bacaan untuk kanak-kanak perlu diberi perhatian dalam usaha mencapai matlamat pendidikan kanak-kanak menerusi bahan sastera. Pendidikan kesusteraan berperanan membina pemikiran dan sahsiah manusia dan ini dapat direalisasikan menerusi pembacaan karya yang mengandungi unsur-unsur mendidik nilai kemanusiaan yang tinggi. Sesungguhnya kesusteraan merupakan manifestasi kepada segala perkembangan dan kemajuan pemikiran manusia (Mohd Kasim, 2002).

Terdapat banyak kajian telah berusaha untuk menyerlahkan unsur nilai dalam bahan bacaan sastera bagi golongan kanak-kanak. Penekanan terhadap unsur nilai dalam karya antara perkara yang menyerlahkan identiti karya berpaksikan pendidikan (Seow & Lin, 2019). Kajian Rosanita (2018) mendapati bahawa kandungan cerpen banyak menonjolkan perlakuan positif kanak-kanak berbanding dengan negatif dan inilah antara perkara yang menunjukkan usaha karyawan mengutamakan aspek nilai dalam karya untuk kanak-kanak. Kajian Siti Zuhaidah dan Nik Rafidah (2014) pula menyimpulkan bahawa pemaparan konflik kehidupan dalam karya kanak-kanak perlu dilihat dari sudut positif khususnya dalam usaha membentuk personaliti diri. Perkara ini akan dapat menemukan kanak-kanak kepada budaya berfikir yang natijah baiknya boleh diadaptasi dalam kehidupan mengikut konteks yang sesuai. Walau bagaimanapun, kupasan tentang konflik dalam karya untuk bacaan kanak-kanak perlu dipersembahkan dengan teknik yang dapat menzahirkan elemen positif dalam kehidupan.

Rohayati (2020) dalam kajiannya membuat kesimpulan bahawa persekitaran yang terdapat dalam novel kanak-kanak mempunyai peranan sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pembaca. Hal ini juga termasuk sebagai salah satu usaha mendidik kanak-kanak agar dapat menjadi insan yang cemerlang dalam kehidupan. Kajian ini dilihat berusaha untuk membuktikan bahawa persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak termasuk yang dimuatkan dalam bahan bacaan mereka mempunyai pengaruh terhadap perkembangan sahsiah dan tingkah laku. Oleh itu, bahan bacaan kanak-kanak perlu memperlihatkan peranannya sebagai medium pendidikan sepetimana yang dinyatakan oleh Chew et al. (2008). Kajian Arba'ie dan Nik Rafidah (2011) turut menyatakan perkara sama menerusi kajiannya yang menunjukkan bahan bacaan sastera mampu mempengaruhi emosi serta membawa nilai-nilai moral untuk mendidik kanak-kanak.

Meskipun dapat disebut bahawa rata-rata pengkaji menemukan dapatan yang positif berkaitan aspek nilai dalam karya sastera yang dijadikan bahan bacaan kanak-kanak, namun tafsiran dan nilai tersebut hanya berlegar dalam kerangka umum yang sesuai dengan kehidupan manusia. Dengan kata lain, nilai yang diterapkan dalam karya sastera sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak merupakan perkara yang secara umumnya diterima oleh masyarakat sebagai nilai baik dan bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak. Walau bagaimanapun, usaha al-Nadwi yang menghasilkan karya untuk kanak-kanak dengan memfokuskan secara spesifik berkaitan kehidupan para nabi mengundang kewajaran agar ia diberi perhatian dalam kajian ini.

Beberapa kajian telah dijalankan bertujuan mengupas pemikiran al-Nadwi berkaitan Sastera Kanak-kanak termasuk melibatkan karya-karya beliau sendiri. Karya al-Nadwi berkaitan Sastera Kanak-kanak dilihat memberi fokus kepada insan yang sememangnya telah diiktiraf sebagai golongan yang patut dicontohi keperibadianya iaitu golongan para nabi dan rasul. Hal ini sudah pasti bertitik-tolak daripada nilai-nilai murni yang melatari kehidupan para nabi dan rasul dan inilah antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam proses pendidikan kanak-kanak. Menurut Muhammad al-Rabi' (2019), Sastera Kanak-kanak sepatutnya dimanfaatkan sebagai wadah tarbiah untuk golongan tersebut.

Antara sumbangan al-Nadwi dalam perkembangan Sastera Islam ialah melibatkan usahanya yang memberi penekanan terhadap Sastera Kanak-kanak (Muhammad Sharif, 2019; Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020a). Perkara ini

menunjukkan bahawa konsep Sastera Islam meskipun dilatari dengan kepelbagaiannya definisi sepertimana dinyatakan oleh Sanaullah (2017), Mohd Adi Amzar (2019) dan Rabih (2019), turut mencakupi kesusasteraan untuk pelbagai peringkat masyarakat termasuk golongan kanak-kanak. Al-Ghawri (2009) menghuraikan penekanan yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap Sastera Kanak-kanak tersebut dengan penghasilan karya-karya yang bersesuaian dengan mereka. Antara perkara yang diberi penekanan oleh al-Nadwi dalam menghasilkan karya sastera untuk kanak-kanak ialah aspek bahasa, dakwah, pendidikan Islam, dan warisan Islam (al-Ghawri, 2009). Kesemua aspek yang ditekankan oleh al-Nadwi dalam penghasilan karya sastera untuk kanak-kanak menunjukkan betapa kukuhnya pemahaman beliau tentang keperluan meletakkan Islam sebagai asas penting dalam sastera.

Kajian Shamim (2012) mengetengahkan keberadaan Sastera Kanak-kanak dalam himpunan karya al-Nadwi. Shamim telah memfokuskan kepada dua karya al-Nadwi yang menurutnya termasuk dalam ruang lingkup Sastera Kanak-kanak iaitu QNLA dan *al-Qira'ah al-Rashidah*. Selain memberi gambaran umum tentang kandungan kedua-dua karya tersebut, Shamim turut menghuraikan sebab penghasilan karya-karya tersebut. Shamim menjelaskan penghasilan karya QNLA oleh al-Nadwi bertujuan menyediakan bahan bacaan yang bermanfaat untuk kanak-kanak dalam kalangan umat Islam.

Pengkaji seperti al-'Utum (2002), 'Abd al-Malik (2014) dan al-'Iraqi (2014) masing-masing membuat kajian tentang Sastera Kanak-kanak menurut pandangan al-Nadwi. Kajian al-'Utum menganalisis tiga karya al-Nadwi iaitu QNLA, *Sirah Khatim al-Nabiyyin li al-Atfal* dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal*. Manakala 'Abd al-Malik (2014) dan al-'Iraqi (2014) membuat analisis terhadap tiga karya al-Nadwi tersebut serta sebuah karya lagi berjudul *al-Qira'ah al-Rashidah*. Dari segi data yang dianalisis, kajian al-'Utum (2002) dilihat lebih terperinci daripada dua kajian lain kerana beliau membuat analisis terhadap tiga karya al-Nadwi berbanding kajian 'Abd al-Malik (2014) dan al-'Iraqi (2014) yang lebih kepada analisis deskriptif. Kesemua pengkaji memberi fokus analisis terhadap elemen bahasa dan nilai pendidikan yang terdapat dalam karya al-Nadwi, dengan al-'Utum (2002) membuat pembahagian yang lebih spesifik dalam analisisnya melibatkan lima perkara iaitu bahasa, dakwah, pendidikan Islam, pembinaan pemikiran dan diri, serta warisan Islam. Manakala 'Abd al-Malik (2014) dan al-'Iraqi (2014) dalam kajian mereka telah membuat huraian tentang seni "al-qissah" (cerita) yang dilihat sebagai genre sastera yang amat bersesuaian dengan kanak-kanak. Menurut Shafiq (2019, 2020), al-Nadwi sememangnya memberi penekanan terhadap genre "al-qissah" sebagai medium berteraskan sastera untuk mendidik kanak-kanak.

Berdasarkan sorotan beberapa kajian lepas, dapat dilihat memang terdapat pengkaji yang memberi fokus terhadap aspek nilai dalam karya sastera. Nilai yang dinyatakan merujuk kepada nilai-nilai murni yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak. Namun, kajian yang menjurus kepada karya al-Nadwi kebanyakannya tidak memberi penekanan terhadap aspek nilai yang terkandung dalam karya. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memberi fokus terhadap aspek nilai yang terkandung dalam karya al-Nadwi iaitu QNLA. Analisis akan memperlihatkan nilai-nilai yang terdapat dalam kisah para nabi serta penerapannya dalam karya al-Nadwi dengan bersandarkan kepada sifat-sifat yang wajib bagi para nabi dan rasul sebagai kerangka analisis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menganalisis karya al-Nadwi iaitu QNLA bagi melihat nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya. Bagi mencapai objektif kajian, pendekatan kualitatif digunakan menerusi kaedah analisis teks. Pemilihan metodologi kajian ini berdasarkan kesesuaian kaedah analisis teks yang memberi fokus kepada bahan kajian yang merupakan sebuah teks karya al-Nadwi. Data kajian ini melibatkan beberapa contoh perenggan daripada kandungan teks QNLA yang dianalisis dari sudut pragmatik. Hal ini bagi melihat teks kajian secara meluas termasuk pertimbangan konteks yang berkaitan dengan penceritaan kisah para nabi. Disebabkan karya al-Nadwi ditulis dalam bahasa Arab, kesemua terjemahan teks kajian diterjemah oleh penulis dalam bentuk terjemahan bebas. Data kajian ini kemudiannya dikategorikan kepada beberapa tema berdasarkan kerangka analisis yang dipilih untuk kajian.

Bagi melihat nilai-nilai murni yang terdapat dalam kehidupan para nabi, antara perkara yang boleh dijadikan sandaran penting adalah berdasarkan sifat-sifat yang mereka miliki. Sifat para nabi telah pun dinyatakan oleh para ulama sebagai perkara yang melatari keunggulan sahsiah mereka. Hal ini bertepatan dengan kedudukan para nabi iaitu golongan yang dimuliakan oleh Allah. Seluruh kehidupan para nabi perlu dijadikan contoh teladan kerana mereka mendapat panduan langsung daripada Allah menerusi wahyu yang diterima. Oleh itu, untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang diketengahkan oleh al-Nadwi untuk golongan kanak-kanak dalam QNLA, kajian akan menjadikan perbahasan mengenai empat sifat yang wajib bagi para rasul seperti yang dijelaskan oleh ulama sebagai kerangka analisis teks.

Meskipun al-Nadwi menggunakan perkataan nabi iaitu *al-nabiyyin* dalam judul karyanya, namun kesemua kandungan karya tersebut memaparkan kisah kehidupan para rasul. Oleh itu, penggunaan perkataan "nabi" dalam makalah ini merujuk kepada golongan "rasul". Hal ini tidak dilihat sebagai satu perkara yang janggal kerana para rasul yang dimasukkan dalam karya QNLA kesemuanya juga merupakan para nabi. Empat sifat yang wajib bagi diri rasul seperti yang dibahaskan oleh para ulama ialah benar (*al-sidq*), amanah (*al-amnah*), kebijaksanaan (*al-fatahan*) dan menyampaikan dakwah (*al-tabligh*). Disebabkan sifat-sifat tersebut dikaitkan dengan rasul, maka semestinya merujuk sifat mulia yang perlu dicontohi oleh manusia. Hal ini bertepatan dengan saranan Islam agar para nabi dijadikan contoh ikutan. Mereka adalah ikon mulia yang mendapat pengiktirafan langsung daripada Allah. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah yang menjelaskan gesaan agar manusia mencontohi keperibadian Rasulullah, iaitu: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat..." (Surah al-Ahzab, 33: 21).

Sifat pertama yang wajib bagi rasul ialah benar (*al-sidq*). Menurut Muhammad Fathullah (2005), benar adalah sifat yang melambangkan kerasulan. Setiap lafaz yang diungkapkan oleh rasul adalah benar. Malah Allah tatkala menjelaskan perihal para nabi turut mengaitkan sifat benar dengan personaliti rasul utusan-Nya. Sebagai contoh firman Allah bermaksud: “*Dan bacakanlah (wahai Muhammad) dalam Kitab (al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; sesungguhnya dia adalah seorang yang amat benar, lagi menjadi nabi.*” (Surah Maryam, 19: 41).

Selain itu, Nabi Idris turut disifatkan dengan benar berdasarkan firman Allah bermaksud: “*Dan bacakanlah (wahai Muhammad) dalam Kitab (al-Quran) ini perihal Nabi Idris; sesungguhnya dia adalah amat benar (tutur katanya dan imannya), serta dia seorang nabi.*” (Surah Maryam, 19: 56). Ayat-ayat ini merupakan bukti jelas tentang sifat benar yang dimiliki oleh rasul. Dalam sejarah dakwah para nabi, sememangnya terdapat manusia yang beriman dengan kerasulan dan ada juga yang mengingkarinya meskipun kesemua rasul memiliki sifat benar. Hakikatnya, hubungan para nabi dengan manusia sentiasa didasari oleh sifat benar kerana mereka menyebarkan agama yang kandungannya juga bersifat benar.

Sifat amanah (*al-amana*) merupakan antara sifat yang wajib ada dalam diri rasul. Mereka merupakan golongan yang dipilih oleh Allah untuk membawa segala perintah daripada-Nya untuk disampaikan kepada umat masing-masing tanpa sebarang perubahan (al-Sallabi, 2011). Hal ini berdasarkan firman Allah bermaksud: “(*Para nabi yang telah lalu itu ialah orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintah-Nya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi penghitung (segala yang dilakukan oleh para makhluk-Nya untuk membala mereka).*” (Surah al-Ahzab, 33: 39).

Oleh hal yang demikian, sifat amanah sememangnya perlu ada dalam diri nabi. Para nabi tidak akan culas dalam memikul tanggungjawab yang diberikan oleh Allah. Perkataan *al-amana* merupakan satu perkataan yang mempunyai perkaitan dengan keimanan (*al-iman*). Allah mengaitkan sifat amanah dengan rasul menerusi firman-Nya bermaksud: “(*Demikian juga kaum Nabi Nuh telah mendustakan para rasul (yang diutus kepada mereka). Ketika saudara mereka - Nabi Nuh, berkata kepada mereka: "Hendaknya kamu mematuhi suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya. Sesungguhnya aku ini ialah rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu.*” (Surah al-Shu’ara’, 26: 105-107). Pada ayat lain, Allah memperihalkan keperibadian Nabi Hud (Surah al-Shu’ara’, 26: 123-125) dan Nabi Lut (Surah al-Shu’ara’, 26: 160-162) juga sebagai rasul yang memiliki sifat amanah. Berdasarkan nas-nas tersebut, al-Nadwi (2000) berpandangan bahawa sifat amanah adalah perkara yang mengikat kebersamaan hubungan para rasul meskipun mereka diutuskan kepada umat yang berbeza.

Sifat seterusnya yang wajib ada dalam diri rasul ialah kebijaksanaan (*al-fatanah*). Setiap rasul perlu menjadi contoh ikutan kepada pengikutnya. Setiap rasul perlu mempamerkan sifat kebijaksanaan dalam setiap pertuturan dan perlakuaninya. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh rasul merupakan anugerah daripada Allah. Oleh sebab itu, terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan pengiktirafan daripada Allah terhadap kebijaksanaan para nabi-Nya. Antara firman Allah yang membuktikan kebijaksanaan Nabi Ibrahim sebagai satu kurniaan-Nya: “*Dan itulah hujah (bukti) Kami, yang Kami berikan kepada Nabi Ibrahim untuk mengalahkan kaumnya. Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kamikehendaki...*” (Surah al-An’am, 6: 83).

Begitu juga kebijaksanaan yang dikurniakan kepada Nabi Daud seperti mana yang dinyatakan oleh Allah: “*Oleh itu, mereka dapat mengalahkan tentera Jalut dengan izin Allah, dan Nabi Daud (yang turut serta dalam tentera Talut) membunuh Jalut. Dan (sesudah itu) Allah memberikan kepadanya (Nabi Daud) kuasa pemerintahan, dan hikmah (pangkat kenabian) serta diajarkannya apa yang dikehendaki-Nya...*” (Surah al-Baqarah, 2: 251). Para rasul dikurniakan kebijaksanaan paling tinggi oleh Allah sesuai dengan tanggungjawabnya menyebarkan dakwah dengan pelbagai rintangan (al-Sallabi, 2011).

Sifat keempat bagi rasul yang dinyatakan oleh para ulama ialah menyampaikan dakwah (*al-tabligh*). Setiap rasul dikurniakan wahyu daripada Allah yang wajib disampaikan kepada umat masing-masing. Para rasul tidak akan sama sekali menyembunyikan walaupun sekelumit daripada kandungan wahyu yang diterimanya (al-Sallabi, 2011). Muhammad Fathullah (2005) menyatakan bahawa sifat menyampaikan dakwah menyerahkan tujuan pelantikan para rasul. Setiap wahyu yang diterima oleh rasul bukan untuk panduan diri mereka sahaja, sebaliknya ia disertakan dengan perintah agar disebarluaskan kepada umat.

Menurut al-Ashqar (1995), setiap rasul menerima wahyu dengan syariat baharu mengikut ketetapan daripada Allah meskipun kesemua syariat berpaksikan atas mentauhidkan-Nya. Oleh itu, penggolongan manusia yang taat dan ingkar terhadap perintah Allah sangat berkait dengan usaha dakwah yang disampaikan oleh rasul. Allah menjelaskan kewajipan manusia menerima dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah sebagaimana maksud firman-Nya: “...*Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya...*” (Surah al-Hasyr, 59: 7).

Keempat-empat sifat yang wajib dimiliki oleh para nabi membuktikan mereka mempunyai nilai-nilai murni yang mesti dicontohi. Setiap rasul merupakan suri teladan bagi umat masing-masing dan manusia secara keseluruhan. Meskipun terdapat banyak sifat-sifat lain dibahaskan oleh para ulama akidah seperti Muhammad Qutb (2001) dan Muhammad al-Ghazzali (2005), namun empat sifat ini disebut secara terperinci dan disepakati dalam tulisan seperti oleh Fathullah (2005) dan al-Sallabi (2011). Oleh itu, empat sifat ini akan dijadikan sandaran kepada analisis karya al-Nadwi. Pemilihan kisah para nabi untuk bacaan kanak-kanak menyerahkan pemikiran al-Nadwi yang meletakkan rasul sebagai ikon unggul untuk kanak-kanak.

Latar Belakang al-Nadwi dan Karyanya

Abu al-Hasan ‘Ali bin ‘Abd al-Hayy al-Hasani al-Nadwi (1914-1999) merupakan seorang sarjana Islam kontemporari yang dilahirkan di sebuah perkampungan bernama Takia Kalan, Raebareli iaitu sebuah daerah dalam negeri Uttar Pradesh, India (Ahmad Fahmi, 2000; Mohammad Akram, 2013; Zulkifli, 2015). Al-Nadwi dilahirkan dalam sebuah keluarga yang memiliki latar belakang ilmu yang tinggi (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021a). Bapa al-Nadwi iaitu ‘Abd al-Hayy al-Hasani bin Fakhr al-Din bin ‘Abd al-‘Ali al-Hasani adalah seorang tokoh hadis dan sejarah yang terkenal di India, selain juga merupakan seorang ahli fizik (Mohammad Akram, 2013). Manakala ibu al-Nadwi bernama Khayr al-Nisa’ bint Diya’ al-Nabi bin Sa’id al-Din al-Hasani merupakan seorang wanita yang amat berpegang kepada ilmu agama serta penghafaz al-Quran (Mohammad Akram, 2013).

Selain didikan dari rumah, nama al-Nadwi juga sinonim dengan institusi Nadwah al-‘Ulama. Gelaran “al-Nadwi” yang digunakannya mempunyai perkaitan langsung dengan institusi ilmu. Nadwah al-‘Ulama ialah sebuah institusi tempat al-Nadwi menimba ilmu pengetahuan dan kemudiannya menjadi pengajar di institusi tersebut pada tahun 1934 ketika berusia 20 tahun (al-Washmi, 2005). Kelebihan yang dimiliki oleh al-Nadwi dalam berbahasa Arab telah mempengaruhi dirinya untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi iaitu di Universiti Lucknow pada tahun 1927 dalam bidang Sastera Arab (al-Washmi, 2005).

Penghasilan sejumlah besar karya al-Nadwi mencakupi pelbagai ilmu agama merupakan antara bukti jelas yang menggambarkan keilmuan yang dimilikinya. Menurut Mohd Rumaizuddin (2016), kebanyakan karya al-Nadwi menjurus kepada bidang dakwah, namun beliau dengan jelas turut menyatakan bahawa buku-buku al-Nadwi menyentuh pelbagai bidang keilmuan. Kepelbagaiannya ini mencakupi cabang ilmu akidah, ibadah, akhlak serta juga bahasa dan kesusasteraan. Buktinya, al-Nadwi telah melakukan inisiatif menghasilkan karya khusus untuk golongan kanak-kanak antaranya QNLA. Penghasilan QNLA yang dikhurasukan untuk kanak-kanak dengan koleksi paparan kisah para nabi membuktikan wujudnya sudut pandang tersendiri al-Nadwi tentang Sastera Kanak-kanak Islami. Malah menurut ‘Abd al-Rahman Karawantidi (2019), karya QNLA membuktikan kejayaan al-Nadwi menyampaikan idea islamisasi kesusasteraan kepada golongan kanak-kanak.

QNLA adalah karya al-Nadwi ditulis dalam bahasa Arab yang asalnya terdiri daripada lima jilid. Al-Nadwi telah mengambil masa selama kira-kira dua tahun iaitu mulai tahun 1944 hingga tahun 1946 untuk menyiapkan tiga jilid pertama QNLA. Meskipun karya ini asalnya ditulis dalam bahasa Arab, kini sebahagian daripada karya QNLA telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Jilid pertama mengandungi kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Yusuf, manakala jilid kedua mengandungi kisah Nabi Nuh, Nabi Hud dan Nabi Salih. Jilid ketiga QNLA pula mengandungi kisah nabi Musa sahaja termasuk kisah panjang melibatkan Fir'aun dan Bani Israil. Jilid keempat pula terdiri daripada kisah Nabi Shu'aib dan Nabi Isa, seterusnya jilid kelima dikhurasukan mengenai kehidupan Rasulullah. Jika diperhatikan, al-Nadwi hanya memuatkan kisah sembilan orang rasul dengan golongan para rasul yang menerima gelaran *Ulu al-‘Azm* tidak diketepikan oleh al-Nadwi.

Al-Nadwi mengambil masa yang lama untuk menyiapkan keseluruhan lima jilid QNLA. Hanya selepas tiga puluh tahun daripada terbitnya jilid satu hingga tiga, al-Nadwi kemudiannya menyudahkan penulisan jilid keempat dan jilid kelima QNLA. Hal ini menzahirkan komitmen al-Nadwi yang tidak pernah luntur dalam usaha menghasilkan karya khusus untuk golongan kanak-kanak melibatkan kisah para nabi. Dengan kesibukan beliau terlibat dalam pelbagai urusan dakwah serta penulisan karya-karya lain, al-Nadwi tetap konsisten meneruskan usahanya menyiapkan lima jilid QNLA. Jilid kelima QNLA yang memuatkan kisah kehidupan Rasulullah kemudiannya dicetak secara berasingan dengan judul *Sirah Khatim al-Nabiyyin li al-Atfal* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi untuk Kanak-Kanak). Walau bagaimanapun, untuk analisis kajian ini, naskhah terbitan Mu'assasah al-Risalah cetakan ke-20 yang diterbitkan pada tahun 1996 akan digunakan. Naskhah ini dibahagikan kepada hanya dua jilid merangkumi jilid pertama hingga jilid keempat naskhah asal QNLA.

Peletakan label “li al-atfal” yang merujuk makna “untuk kanak-kanak” dalam QNLA mengundang kewajaran penelitian lanjut dilakukan dalam kajian ini. Secara jelas, dapat difahami bahawa al-Nadwi dengan sedar mengiktiraf kandungan karyanya ini memang bersesuaian dijadikan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Tambahan pula, kisah-kisah yang diketengahkan oleh al-Nadwi dalam QNLA, kesemuanya bersumberkan al-Quran, hadis dan sejarah Islam. Usaha al-Nadwi menunjukkan kefahamannya bahawa terdapat nilai-nilai murni dalam kisah para nabi yang perlu diketengahkan kepada kanak-kanak. Meskipun karya ini dihasilkan dalam bahasa Arab, namun analisis terhadap nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya bersifat universal dan tidak tertakluk semata-mata terhadap penggunaan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, usaha menterjemah dua jilid daripada QNLA ke bahasa Melayu telah dilakukan oleh Zaharudin Nawi al-Qasimi dengan kedua-dua jilid tersebut diterbitkan pada tahun 2016.

Maklumat berkenaan latar belakang al-Nadwi dan karyanya QNLA dilihat penting bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang nilai dalam kehidupan para nabi yang dipilih oleh al-Nadwi untuk dijadikan bahan bacaan kanak-kanak. Keperibadian al-Nadwi yang mendapat didikan berteraskan Islam sejak daripada kecil serta ketokohnya dalam bidang dakwah Islamiah menjadikan penumpuan beliau terhadap sejarah kehidupan para nabi sebagai kandungan bahan bacaan utama untuk kanak-kanak. Malah al-Nadwi dilihat amat konsisten dalam menghasilkan karya untuk kanak-kanak yang kandungannya berlatarkan kisah kehidupan para nabi di samping kesibukannya menghasilkan karya-karya besar lain mencakupi pelbagai disiplin ilmu Islam (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020b).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, makalah akan menganalisis nilai yang terkandung dalam QNLA karya al-Nadwi. Terdapat banyak tafsiran pengkaji berkenaan maksud “nilai” yang dikaitkan dengan keperibadian insan. Menurut Latifah et al. (2012) nilai boleh diertikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia yang berhubungan antara sesama manusia, alam dan Tuhan. Pandangan sama disebut oleh Mohd Firdaus (2015) dengan sedikit penambahan bahawa nilai adalah asas kepada pembentukan sifat-sifat mulia. Kebanyakan takrifan perkataan “nilai” memberi petunjuk bahawa nilai yang ada dalam diri manusia mempunyai perkaitan dengan persekitaran sekeliling. Perkara ini turut dinyatakan oleh Khairul Hamimah et al. (2012) bahawa nilai dari perspektif Islam merangkumi keseluruhan aspek kehidupan insan, termasuklah kedudukan, sosial, jawatan, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kebudayaan dan juga hubungan antarabangsa.

Nilai yang difokuskan dalam makalah ini merujuk kepada nilai-nilai yang terdapat dalam diri para nabi. Hal ini kerana para nabi merupakan insan pilihan Allah yang sememangnya memiliki keperibadian unggul yang mesti dicontohi oleh manusia. Manusia tidak boleh menjadi rasul, namun mereka perlu berusaha mencontohi keperibadian para nabi apatah lagi apabila golongan ini mendapat wahyu langsung daripada Allah. Oleh sebab itu, dengan menjadikan sifat-sifat wajib bagi para rasul iaitu benar (*al-sidq*), amanah (*al-amanah*), kebijaksanaan (*al-fatanah*) dan menyampaikan dakwah (*al-tabligh*) sebagai sandaran kerangka analisis, makalah akan menghuraikan nilai-nilai murni yang diketengahkan oleh al-Nadwi yang boleh dilihat sebagai satu bentuk ijihadnya terhadap kesesuaian nilai-nilai tersebut diterapkan dalam diri kanak-kanak. Tambahan pula menurut Asma' (2017), QNLA dipersembahkan dengan peletakan ayat-ayat al-Quran sebagai sumber berautoriti yang mencerminkan kepentingan nilai dalam pengkisahan. Bagi membincangkan dapanan kajian ini, analisis akan dikelaskan mengikut empat sifat wajib bagi para rasul.

Pertama: Benar (*al-Sidq*)

Sifat benar mesti ada dalam diri setiap insan. Ada manusia tidak berani untuk bersifat benar kerana memikirkan kesan yang bakal dihadapinya apabila berdepan orang yang tidak suka bersifat benar. Orang zalim tidak suka kepada kebenaran, begitu juga orang yang suka melakukan kerosakan kerana sifat benar akan menyekat kemauan mereka. Kanak-kanak merupakan kelompok manusia yang akan bercakap benar. Kanak-kanak akan mula berani bersikap sebaliknya apabila melihat perlakuan buruk dilakukan oleh orang yang lebih dewasa daripadanya. Oleh itu, kanak-kanak perlu didedahkan dengan sifat benar malah berani untuk berada pada perkara yang benar dan hal ini dapat direalisasikan dengan menjadikan sejarah kehidupan rasul sebagai bahan bacaan.

Para nabi memiliki sifat benar dan berani berada atas landasan kebenaran (Muhammad Fathullah, 2005). Hal ini sepertimana yang berlaku dalam kehidupan Nabi Ibrahim apabila berdepan dengan seorang raja zalim yang sangat agung di mata orang ramai. Ketika semua orang sujud kepada raja tersebut, baginda berani untuk sujud hanya kepada Allah. Malah ketika Nabi Ibrahim dipanggil menghadap raja yang zalim tersebut, baginda kekal mengakui keesaan Allah. Hal ini sepertimana yang dinyatakan pada petikan ayat berikut (al-Nadwi, 1996, 1: 20):

وَسَمِعَ الْمَلَكُ أَنَّ إِبْرَاهِيمَ يَسْجُدُ لِهُ وَلَا يَسْجُدُ لِأَحَدٍ غَيْرَ بَنْتِ الْمَلَكِ وَطَلَبَ إِبْرَاهِيمَ.
وَجَاءَ إِبْرَاهِيمَ، وَكَانَ إِبْرَاهِيمَ لَا يَخَافُ إِلَّا اللَّهَ.
قَالَ الْمَلَكُ: مَنْ رَبُّكَ، يَا إِبْرَاهِيمَ؟
قَالَ إِبْرَاهِيمَ: رَبِّيَ اللَّهُ!

Terjemahan:

Dan raja mendengar bahawa Ibrahim sujud kepada Allah dan tidak sujud kepada sesiapa pun, sehingga raja menjadi marah dan menitahkan agar Ibrahim menghadapnya.

Ibrahim pun datang menghadap raja, dan baginda tidak takut kepada sesiapa pun melainkan Allah.

Raja bertitah: “Siapakah Tuhanmu, wahai Ibrahim?”

Ibrahim menjawab: “Allah Tuhanaku.”

Situasi yang digambarkan menerusi perbualan antara Nabi Ibrahim dan raja tersebut membuktikan bahawa baginda berani bersikap benar meskipun berdepan dengan penguasa yang zalim. Nabi Ibrahim tidak teragak-agak menzahirkan keimanannya kepada Allah kerana baginda benar-benar mengimani kewujudan-Nya. Begitu juga hal yang berlaku dalam kisah Nabi Yusuf tatkala dipenjarakan. Baginda tidak melakukan perkara buruk sepertimana didakwa namun baginda dipenjarakan. Ketika dalam penjara, utusan raja telah datang menemui Nabi Yusuf atas perintah raja yang ingin menemui baginda. Maka dengan sifat berani, Nabi Yusuf menyatakan kepada utusan raja yang baginda ingin tohmahan ke atas diri baginda disiasat. Baginda berani dan bersedia untuk membersihkan namanya daripada fitnah terhadapnya. Kenyataan Nabi Yusuf dijelaskan menerusi petikan berikut (al-Nadwi, 1996, 1: 51-52):

بَلْ قَالَ لِرَسُولِ الْمَلَكِ: أَنَا أُرِيدُ التَّفْتِيشَ، أَنَا أُرِيدُ الْبَحْثَ عَنْ قَضِيبِي.
وَسَأَلَ الْمَلَكُ عَنْ يُوسُفَ وَعِلْمِ الْمَلَكِ وَعِلْمِ النَّاسِ أَنْ يُوسُفَ بْرِيَءٌ.
وَخَرَجَ يُوسُفَ بْرِيَأً وَأَكْرَمَهُ الْمَلَكُ.

Terjemahan:

Sebaliknya, Yusuf berkata kepada utusan raja: "Saya mahu siasatan dijalankan, saya mahu penyelesaian terhadap kes saya."

Raja pun menyelesaikan kes Yusuf, dan akhirnya raja serta orang ramai mengetahui bahawa Yusuf tidak bersalah.

Lalu Yusuf dibebaskan dalam keadaan tidak bersalah dan raja pun menghormatinya.

Sifat benar pasti akan menjadikan seseorang bebas daripada belenggu kezaliman. Oleh sebab itu, setiap orang perlu berani untuk bercakap benar dan sama sekali tidak akan tunduk terhadap pihak tertentu yang berusaha membuat kezaliman. Sifat takut kepada pihak lain dalam keadaan diri mengetahui berada pada landasan kebenaran dikira sebagai perbuatan menzalimi diri sendiri. Nilai murni sebegini perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak supaya mereka tidak sangsi terhadap kebenaran serta sentiasa berani menegakkan kebenaran sepertimana ditunjukkan oleh para nabi. 'Abd al-Rahman et al. (2014) menyebut bahawa sejarah kehidupan para nabi perlu menjadi sumber penting dalam usaha mendidik kanak-kanak agar memiliki keperibadian luhur. Oleh itu, al-Nadwi dilihat amat menekankan fungsi Sastera Kanak-kanak yang sepatutnya menjadi medium penyampaian nilai-nilai murni seperti benar kepada golongan kanak-kanak (al-Sadiq, 2014).

Kedua: Amanah (*al-Amanah*)

Sifat amanah dikaitkan dengan tanggungjawab seseorang terhadap sesuatu perkara. Sebenarnya bukan sahaja para nabi perlu memiliki sifat amanah, sebaliknya semua orang telah diingatkan oleh Islam tentang tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat nanti. Rasulullah menjelaskan perihal kewajipan melaksanakan amanah dalam kehidupan kerana ia akan dipertanggungjawabkan menerusi sabdanya bermaksud: "*Setiap kalian adalah pemimpin dan akan ditanya tentang kepemimpinannya. Seorang ketua ialah pemimpin dan akan ditanya tentang kepemimpinannya...*" (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Disebabkan setiap orang merupakan pemimpin yang perlu melaksanakan kepimpinannya dengan amanah, maka mencontohi sifat para nabi yang diiktiraf memiliki sifat mulia ini perlu menjadi keutamaan. Oleh itu, golongan kanak-kanak perlu didedahkan dengan perkara-perkara yang menyerlahkan sifat amanah dalam diri para nabi ('Abd al-Rahman et al., 2014). Jika diperhatikan dalam sejarah kehidupan para rasul, kesemua mereka berdepan dengan tantangan terhadap usaha dakwah. Tidak ada seorang rasul yang terlepas daripada ujian penentangan oleh umat masing-masing. Malah ada para rasul yang mendapat gelaran *Ulu al-'Azm* kerana kesabaran luar biasa yang ditunjukkan oleh mereka ketika menyampaikan dakwah. Firman Allah dalam al-Quran bermaksud: "(*Jika demikian akibat orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad*) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabar para rasul "Ulu al-'Azm" (*yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati*) daripada kalangan rasul (*yang terdahulu daripadamu...*)" (Surah al-Ahqaf, 46: 35).

Menurut al-Sallabi (2011), kesabaran yang ditunjukkan oleh para nabi membuktikan bahawa mereka teguh dengan sifat amanah dalam diri. Walau apa pun cabaran yang datang, mereka tetap melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sifat sebeginilah yang perlu ada dalam diri setiap insan. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan sifat amanah dalam diri meskipun terpaksa berdepan dengan cabaran kehidupan. QNLAs turut merakamkan peristiwa yang berlaku berkaitan dakwah Nabi Musa berdepan dengan Fir'aun. Dalam keadaan Allah memerintahkan Nabi Musa untuk bertemu Fir'aun dan berdakwah di hadapannya, baginda mempamerkan sifat amanah dalam melaksanakan perintah-Nya. Lalu baginda pergi menemui Fir'aun iaitu seorang pemerintah zalim yang mengaku dirinya sebagai tuhan. Ketika Allah memerintahkan Nabi Musa bersama Nabi Harun untuk menemui Fir'aun, mereka diminta agar menyampaikan dakwah dengan baik. Perkara ini menggambarkan nilai amanah yang sangat tinggi dalam diri Nabi Musa walaupun bakal menerima tantangan daripada Fir'aun. Petikan berikut menjelaskan sifat amanah Nabi Musa serta saudaranya Nabi Harun (al-Nadwi, 1996, 1: 185-186):

وجاء موسى وهارون إلى فرعون وقاما في مجلسه ويدعوانه إلى الله.
وغضب الجبار من جراءة موسى وقال في علو وكبر: "من تكون أيها الشاب حتى تقوم في مجلسي وتعظني. ألسن ذلك الغلام الذي
القطنه من البحر؟!"
"ألم نربك فينا ولیدا ولبثت فينا من عمرك سنين."

Terjemahan:

Dan Musa serta Harun datang kepada Fir'aun lalu berdiri dalam majlisnya, kemudian mereka berdua menyeru Fir'aun agar beriman kepada Allah.

Dan Fir'aun lantas marah atas keberanian Musa dan berkata, dengan penuh rasa keagungan dan kesombongan: "Wahai anak muda, siapakah kamu yang bangun dalam majlisku dan memberi peringatan kepadaku? Bukankah anak lelaki itu yang kami ambil dari sungai?!"

"Bukankah kamu yang telah kami pelihara ketika masih kecil, dan telah berada dalam peliharaan kami selama bertahun-tahun?"

Situasi yang digambarkan oleh al-Nadwi dalam QNLA tersebut memperlihatkan betapa Nabi Musa tetap menggalas amanah yang dipertanggungjawab kepadanya meskipun perlu berdepan dengan Fir'aun yang angkuh lagi zalim. Fir'aun telah mengingatkan Nabi Musa tentang budi yang ditaburnya dalam kehidupan baginda iaitu membesarinya selama bertahun-tahun. Namun semuanya tidak mematahkan usaha Nabi Musa untuk melaksanakan perintah yang dipertanggungjawab kepadanya. Menurut Shamim (2012), kisah antara Nabi Musa dengan Fir'aun perlu dihayati oleh kanak-kanak kerana ia menggambarkan kemenangan perkara benar dan iman yang diwakili oleh Nabi Musa mengalahkan perkara batil dan kufur yang diwakili oleh Fir'aun.

Oleh sebab itu, Allah mengiktiraf Nabi Musa sebagai seorang yang memiliki sifat amanah menerusi pengakuan baginda sendiri yang dirakamkan dalam al-Quran: “*Dan demi sesungguhnya! Sebelum mereka, Kami telah menguji kaum Fir'aun, dan mereka pun telah didatangi oleh seorang rasul (Nabi Musa) yang mulia. (Yang memberitahu kepada mereka dengan katanya): “Berikanlah kepadaku wahai hamba Allah (apa-apa yang menandakan kamu menerima kerasulanku); sesungguhnya aku ini seorang rasul yang amanah, yang diutuskan kepada kamu.”* (Surah al-Dukhan, 44: 17-18). Para nabi lain juga diiktiraf oleh Allah sebagai insan yang memiliki sifat amanah seperti Nabi Nuh (Surah al-Shu'ara', 26: 107), Nabi Hud (Surah al-Shu'ara', 26: 125), Nabi Salih (Surah al-Shu'ara', 26: 143), dan Nabi Lut (Surah al-Shu'ara', 26: 162).

Ketiga: Kebijaksanaan (*al-Fatanah*)

Para nabi dikurniakan kebijaksanaan oleh Allah dan ini dapat difahami berdasarkan kelebihan mereka yang mendapat wahyu daripada-Nya (al-Sallabi, 2011). Kebijaksanaan yang dimiliki oleh para nabi merupakan sifat yang menaikkan darjat mereka sebagai utusan daripada Allah. Menurut al-Ashqar (1995), wahyu adalah antara perkara yang membezakan para rasul dengan manusia lain. Meskipun wahyu bukan untuk diri para rasul sendiri kerana mereka wajib menyampaikannya kepada manusia, namun sebagai insan yang menerima wahyu pastinya mereka memiliki kebijaksanaan khusus bagi memahami wahyu tersebut serta menggunakan kaedah yang sesuai dalam menyampaikannya. Hal ini dapat dilihat misalnya dalam peristiwa Nabi Ibrahim yang menyeru kaumnya supaya mentauhidkan Allah serta meninggalkan penyembahan berhala. Ketika baginda ditanya oleh kaumnya tentang orang yang memusnahkan berhala, Nabi Ibrahim menyarankan agar kaumnya mengajukan persoalan tersebut kepada satu berhala yang tidak dimusnahkannya (al-Nadwi, 1996, 1: 13-14).

وأراد الناس أن يسجدوا للأصنام لأنه يوم عيد.
ولكن تعجب الناس ودهشوا. وتأسف الناس وغضبوا...
قالوا: أنت فعلت هذا بآلهتنا، يا إبراهيم؟
قال: بل فعله كبيرهم هذا فاستلوهم إن كانوا ينطقون

Terjemahan:

Dan mereka mahu menyembah berhala kerana ketika itu ialah hari raya.
Tetapi mereka hairan dan amat terkejut. Mereka berasa sedih dan marah...
Mereka bertanya: “Adakah kamu mengaku telah melakukan perkara ini terhadap tuhan-tuhan kami, wahai Ibrahim?”
Ibrahim menjawab: “Tidak, sebaliknya yang paling besar daripada kalangan mereka (berhala) yang melakukanannya. Tanyalah mereka (berhala) sekiranya mereka mampu berbicara.”

Kisah Nabi Ibrahim tersebut menggambarkan kebijaksanaan baginda mendepani kaumnya yang tidak beriman kepada Allah. Saranan baginda agar kaumnya bertanya sendiri kepada berhala tentang keadaan mereka (berhala) yang telah dimusnahkan sebenarnya telah menempelak pemikiran kaumnya yang gagal berfikiran waras dengan menyembah sesuatu yang tidak memiliki kuasa. Dalam hal ini, kanak-kanak dapat mempelajari kebijaksanaan Nabi Ibrahim dalam usaha memperbetulkan pegangan kaumnya. Selain itu, kisah Nabi Musa yang membantu dua gadis ketika ingin mengambil air daripada telaga turut dimuatkan dalam QNLA. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh Nabi Musa terhadap golongan yang memerlukan bantuan menzahirkan kebijaksanaan baginda sebagai seorang insan.

Nabi Musa menunjukkan teladan yang baik dengan membantu golongan yang lemah serta tidak mengambil kesempatan daripada perbuatannya. Perkara ini menyerlahkan kebijaksanaan baginda yang melakukan kebaikan dengan kehendak sendiri tanpa sebarang paksaan, serta bersifat amanah dengan tidak mengambil kesempatan daripada kelemahan golongan wanita. Hal ini sepertimana dijelaskan dalam petikan berikut (al-Nadwi, 1996, 1: 171-172):

وكان هنالك بئر يسقي عليها الناس غنمهم وماشيتهم.
ووجد أمرأتين نزودان غنمها وتنظران أن يسقي الناس فنسقها.
رأى موسى ذلك وفي قلبه حنان الكريمة وشفقة الألب الرحيم...
وهاج في موسى حنان الكريمة وسقى لهم وذهبنا...

Terjemahan:

Dan terdapat sebuah pergi dengan kelihatan orang memberi minuman kepada biri-biri dan lembu mereka. Dan terdapat dua orang wanita bersama biri-biri mereka yang sedang menunggu giliran orang lain selesai memberi minuman kepada biri-biri, untuk kemudiannya mereka berdua pula memberi minum biri-biri kepunyaan mereka.

Musa melihat keadaan tersebut dan di dalam hatinya timbul rasa simpati dan perasaan belas kasihan umpama seorang ayah yang penyayang...

Dan sifat mulia Musa yang membawa dan kemudian berusaha membantu dua wanita tadi, dan selepas itu keduanya berlalu pergi...

Banyak pengajaran yang ditunjukkan dalam kisah Nabi Musa membantu dua wanita tersebut. Baginda telah menghulurkan bantuan kepada insan yang tidak dikenalinya. Selain itu, baginda berusaha membantu dengan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan meskipun pada saat itu baginda juga memerlukan bantuan daripada orang lain. Keadaan ini menyerahkan sifat mulia tatkala melaksanakan tugasannya yang wajar dicontoh iaitu berkeupayaan dan amanah dalam menunaikan tanggungjawab sepertimana dijelaskan oleh wanita tersebut kepada bapanya. Penjelasan tersebut dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran bermaksud: “*Salah seorang di antara wanita yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia (Nabi Musa) menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat (berkeupayaan), lagi amanah.”*” (Surah al-Qasas, 28: 26).

Kisah Nabi Ayyub yang diuji dengan penyakit turut dimuatkan dalam QNLA. Kisah ini antara lain memperlihatkan kebijaksanaan Nabi Ayyub yang sabar terhadap ujian yang dihadapinya. Baginda tidak pernah merungut terhadap ujian yang dihadapinya meskipun baginda merupakan seorang insan yang dilantik oleh Allah sebagai rasul. Nabi Ayyub sentiasa mengingati Allah serta bersyukur terhadap ujian yang dihadapinya. Kebijaksanaan Nabi Ayyub mendepani ujian kesakitan yang ditanggungnya disebabkan baginda mengerti tentang ganjaran yang akan diterimanya daripada Allah. Perilaku Nabi Ayyub yang terus bersabar menerima ketentuan Allah mencerminkan keyakinan baginda terhadap rahmat serta kasih sayang-Nya. Keadaan Nabi Ayyub mendepani ujian daripada Allah dinyatakan pada petikan berikut (al-Nadwi, 1996, 2: 323-324):

ثم ابْتَأَى فِي جَسْدِهِ، فَلَمْ يَقِنْ مِنْهُ سَلِيمٌ سُوَى قَلْبِهِ وَلِسَانِهِ يَذْكُرُ بِهِمَا اللَّهُ...
وَكَانَ رَغْمَ كُلِّ ذَلِكَ صَابِرًا شَاكِرًا يَلْهُجُ لِسَانَهُ بِالذِّكْرِ وَالشَّكْرِ...

Terjemahan:

Kemudian dia (Nabi Ayyub) menderita kesakitan pada tubuhnya, dan tidak ada yang tersisa daripada tubuhnya melainkan hati dan lidahnya, yang dengannya dia terus mengingati Allah...

Walaupun begitu, dia tetap bersabar dan bersyukur, dia terus menggunakan lidahnya untuk mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya...

Kesabaran Nabi Ayyub yang sangat luar biasa membuktikan kebijaksanaannya sebagai hamba yang mendambakan pertolongan daripada Allah. Al-Ghawri (2009) berpandangan bahawa pengajaran yang sangat baik dalam kisah Nabi Ayyub khususnya melibatkan sifat sabar perlu diterapkan dalam diri insan sejak daripada usia kanak-kanak. Sesungguhnya Nabi Ayyub telah menunjukkan teladan yang baik agar manusia sentiasa reda dan sabar terhadap ujian yang menimpa diri. Allah merakamkan perihal Nabi Ayyub dalam al-Quran: “*Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayyub, ketika ia berdoa merayu kepada Tuhaninya dengan berkata: “Sesungguhnya aku ditimpakan penyakit, sedang Engkau lah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani.”*” (Surah al-Anbiya’, 21: 83).

Keempat: Menyampaikan Dakwah (al-Tabligh)

Para rasul menerima wahyu daripada Allah untuk disampaikan kepada umat masing-masing. Muhammad Fathullah (2005) menjelaskan bahawa usaha dakwah para rasul perlu difahami berdasarkan tiga asas utama iaitu penyampaian dakwah secara syumul, dakwah tanpa menanti ganjaran serta dakwah yang kesannya diserahkan kepada Allah. Tiga perkara inilah merupakan asas dakwah para rasul yang tidak mampu dilakukan oleh insan biasa. Oleh itu, para rasul termasuk yang dikenali sebagai nabi dalam QNLA dilihat bersungguh-sungguh dalam usaha menyebarkan dakwah tanpa menghiraukan ancaman yang diterima daripada kaum masing-masing. Nabi Ibrahim menunaikan tanggungjawab dakwah hatta kepada bapanya sendiri sepertimana yang dijelaskan pada petikan berikut (al-Nadwi, 1996, 1: 11):

وَكَانَ إِبْرَاهِيمَ يَقُولُ لَوَالَّهِ:
يَا أَبَيِّ، لَمَاذَا تَعْبِدُ هَذِهِ الْأَصْنَامِ؟
وَيَا أَبَيِّ، لَمَاذَا تَسْجُدُ لَهُذِهِ الْأَصْنَامِ؟
إِنَّ هَذِهِ الْأَصْنَامِ لَا تَتَكَلَّمُ وَلَا تَسْمَعُ.
وَإِنَّ هَذِهِ الْأَصْنَامِ لَا تَضَرُّ وَلَا تَنْفَعُ.

Terjemahan:

Ibrahim pernah berkata kepada ayahnya:

Wahai ayahandaku, mengapa ayah menyembah berhala-berhala ini?

Wahai ayahandaku, mengapa ayah tunduk kepada berhala-berhala ini?

Sesungguhnya berhala-berhala ini tidak mampu bercakap atau mendengar.

Dan sesungguhnya berhala-berhala ini tidak dapat memberi mudarat dan tidak dapat juga memberi manfaat.

Nabi Ibrahim mempamerkan nilai murni sebagai seorang anak yang berusaha menyampaikan dakwah kepada bapanya sendiri. Penggunaan laras bahasa yang cukup lembut sebagai mencerminkan rasa hormat kepada bapanya, Nabi Ibrahim mengutarakan persoalan-persoalan bertujuan menyatakan bahawa perbuatan bapanya menyembah berhala sebagai satu bentuk perbuatan yang salah. Tanpa secara langsung menyatakan kesalahan yang dilakukan oleh bapanya, Nabi Ibrahim kekal berusaha menyampaikan seruan kebaikan agar bapanya mentauhidkan Allah. Kisah ini dimuatkan dalam QNLA oleh al-Nadwi bagi memperlihatkan kepentingan tauhid kepada golongan kanak-kanak. Justeru, sebahagian ulama mengulas bahawa karya al-Nadwi ini merupakan “ilmu tauhid baharu” untuk kanak-kanak (Zulkifli, 2015). Hal ini merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha al-Nadwi yang berjaya mempersempahkan kisah rasul sesuai dengan tahap kefahaman kanak-kanak.

Usaha berterusan para rasul menyampaikan dakwah dapat dilihat daripada sejarah kehidupan mereka. Meskipun para rasul merupakan insan pilihan Allah, mereka tetap berdepan dengan pelbagai cabaran ketika menyampaikan dakwah. Walau bagaimanapun, semua cabaran tersebut tidak mematahkan semangat para rasul untuk menyampaikan dakwah sebagaimana diperintahkan oleh Allah. Hal yang sama turut dihadapi oleh Nabi Isa sepetimana digambarkan oleh al-Nadwi dalam QNLA (al-Nadwi, 1996, 2: 359):

وكان سيدنا عيسى يقضي أكثر أوقاته في السباحة، والانتقال من مكان إلى مكان، يدعى بنى إسرائيل إلى الله وبهدى خرافهم الصالحة إلى ربها وسيدةها، ويتلقى له في هذه الجولات والرحلات اليسر والعسر، والضيق والرخاء، ويتحمل ذلك صابراً، ويقبل هذا شاكراً...

Terjemahan:

Dan Nabi Isa menghabiskan sebahagian besar daripada waktunya dengan pemusafiran. Baginda bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Baginda menyeru Bani Israel agar beriman kepada Allah, dan membimbing mereka menuju agama Allah. Dan baginda menerima apa sahaja keadaan yang dihadapinya sepanjang pemusafiran dan perjalanan dakwah tersebut, sama ada ia diliputi kemudahan dan kesukaran, kesempitan dan kesejahteraan, dan baginda bertahan menanggung segalanya dengan sabar, dan menerima dengan bersyukur...

Kesemua sifat mulia yang ditunjukkan oleh para nabi mengandungi nilai-nilai murni yang perlu diteladani oleh setiap insan termasuk golongan kanak-kanak. Meskipun kanak-kanak adalah kelompok insan yang belum menanggung taklifan agama, namun mereka perlu didedahkan dengan nilai-nilai yang dapat membentuk pekerti mulia dalam diri. Oleh itu, al-Nadwi dilihat amat menekankan keperluan agar kanak-kanak didedahkan dengan kisah sejarah kehidupan para nabi untuk dicontohi. Al-Nadwi berpandangan bahawa kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahan bacaan berkualiti yang dapat membentuk keperibadian mulia. Kanak-kanak Muslim perlu dielakkan daripada membaca karya yang bersifat khayalan atau dongeng. Maka sebagai alternatif terbaik, al-Nadwi telah memperkasakan kisah para nabi dengan menjadikannya bahan bacaan penting untuk kanak-kanak. Hal ini seperti imana dijelaskan dalam mukadimah QNLA (al-Nadwi, 1996, 1: 7):

وقد بدأت تتعلم اللغة العربية لأنها لغة القرآن والرسول ولغة الدين... ولكنني أخجل أنك لا تجد ما يوافق سنك من القصص العربية، إلا قصص الحيوانات، والأساطير والخرافات.

فرأيت أن أكتب لك ولأمثالك أبناء المسلمين قصص الأنبياء والمرسلين بأسلوب سهل يوافق سنك وذوقك، ففعلت، وهذا هو الكتاب الأول من "قصص النبيين للأطفال" أهديه إليك.

Terjemahan:

Dan kamu telah mula mempelajari bahasa Arab kerana ia bahasa al-Quran, bahasa Rasulullah, dan bahasa agama Islam... Namun saya khuatir kamu tidak menemui kisah dalam bahasa Arab yang sesuai dengan usiamu, melainkan yang ada hanyalah kisah-kisah binatang, dan khayalan, dan khurafat.

Maka saya rasakan perlu dihasilkan bahan bacaan tentang kisah para nabi dan rasul untuk kamu dan anak-anak Muslim seusia denganmu, dengan gaya bahasa yang mudah bersesuaian dengan umur dan jiwamu. Maka saya hasilkan karya, dan inilah karya pertama daripada QNLA, yang saya hadiahkan kepada kamu.

Mukadimah yang ditulis oleh al-Nadwi ini cukup jelas menggambarkan aspirasinya untuk memperbetul kekurangan dalam pendidikan kanak-kanak Muslim. Penghasilan karya pertamanya berkaitan Sastera Kanak-kanak Islami iaitu QNLA tercetus apabila melihat anak saudaranya iaitu Muhammad bin ‘Abd al-‘Ali al-Hasani yang gemar membaca buku-

buku cerita namun semuanya berkaitan dengan kisah haiwan yang sarat dengan unsur khurafat (al-Dihlawi, 2001). Dalam keadaan anak saudara al-Nadwi juga ketika itu giat mempelajari bahasa Arab, maka al-Nadwi melihat satu keperluan agar golongan kanak-kanak Muslim semisal anak saudaranya itu didekankan dengan kisah para nabi, dan bukannya kisah haiwan yang sarat dengan unsur dongeng dan khurafat. Keadaan ini membawa kepada pemahaman bahawa al-Nadwi amat prihatin terhadap keperluan golongan kanak-kanak untuk didekankan dengan bahan bacaan yang kandungannya bersifat benar. Maka kebenaran yang pasti adalah berkaitan kehidupan para nabi kerana sumber kisah-kisah tersebut daripada al-Quran, hadis dan sejarah Islam. Hal inilah yang dinyatakan sebelum ini apabila al-Nadwi berusaha memperkasakan tema *al-sirah al-nabawiyah* (sejarah kehidupan nabi) dalam karyanya untuk golongan kanak-kanak (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021b).

KESIMPULAN

Para nabi merupakan golongan yang mendapat wahu daripada Allah. Setiap kisah yang melatari kehidupan mereka sarat dengan nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam diri kanak-kanak. Justeru, usaha al-Nadwi menghasilkan karya QNLA memperlihatkan dimensi pemikirannya yang meletakkan keperluan agar nilai-nilai murni dalam keperibadian diri para nabi perlu diterapkan dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak. Dalil-dalil al-Quran yang menyebut tentang keluhuran peribadi para nabi sebagai golongan yang soleh mendasari usaha al-Nadwi mengetengahkan nilai-nilai dalam kisah para nabi dalam karyanya. Penelitian terhadap kandungan QNLA mendapati bahawa semua nilai dalam kisah para nabi seperti berani atas kebenaran, dedikasi menggalas tanggungjawab, bijaksana dalam setiap tindakan dan konsisten melaksanakan usaha penyebaran dakwah merupakan antara nilai murni yang sepatutnya dimiliki oleh setiap insan bermula daripada usia kanak-kanak. Usaha al-Nadwi menghasilkan karya QNLA perlu diteladani oleh karyawan Muslim agar lebih banyak karya berkaitan kisah para nabi dapat dihasilkan. Selain itu, usaha al-Nadwi mengetengahkan karya berdasarkan kisah nabi perlu dijadikan panduan kepada para ibu bapa agar sentiasa mengutamakan bahan bacaan bermanfaat untuk pendidikan anak-anak mereka.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Malik Buminjal. (2014). *Manhaj Abi al-Hasan al-Nadwi fi adab al-atfal*. Dlm. al-Nadwi, Muhammad Tariq al-Ayyubi. *Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi min al-afkar al-mua’sirah*. Lucknow: Matba’ Nu’mani.
- ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Hashimi, Muhammad Ibrahim al-Khatib, Ahmad Ibrahim Suman, Bakr Samih al-Muwajadah & Fa’izah Muhammad Fakhri. (2014). *Asalib tadris al-tarbiyah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-I’sar al-‘Ilmi li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- ‘Abd al-Rahman Karawantidi. (2019). *Uslub al-Ustadh Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi fi aslamah adab al-atfal al-nathri*. Kertas kerja al-Mu’tamar al-Watani al-Thani li Bahithi al-Lughah al-‘Arabiyyah hawla al-A’mal al-Nathriyyah al-‘Arabiyyah bi al-Hind, 19 Jan.
- al-Ashqar, ‘Umar Sulayman. (1995). *al-Rusul wa al-risalat*. Cet. ke-6. Amman: Dar al-Nafa’is li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- al-Dihlawi, Anis al-Rahman. (2001). *Dirasah fi kitab Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal*. Kertas kerja Nadwah Hawla Mu’allafat al-Shaykh Abi al-Hasan ‘Ali al-Hasani al-Nadwi. Universiti Delhi, 19-20 Mac.
- al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2009). *al-‘Allamah Abu al-Hasan al-Nadwi: ra’id al-adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Kathir li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- al-‘Iraqi, Muhammad ‘Abd al-Karim Yasin. (2014). *Manhaj Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi fi adab al-atfal wa al-manahij al-mustaqah fi dhalik: dirasah tahliliyyah muqaranah*. Dlm. al-Nadwi, Muhammad Tariq al-Ayyubi. *Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi min al-afkar al-mu’asirah*. Lucknow: Matba’ Nu’mani.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali. (1996). *Qasas al-nabiyyin li al-afkal*. Cet. ke-20. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan ‘Ali. (2000). *al-Nubuwah wa al-anbiya’ fi daw’ al-Qur’an*. Cet. ke-7. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- al-Sadiq Muhammad Adam Sulayman. (2014). *Manhaj al-Shaykh al-Nadwi fi kitabih: adab al-sirah al-nabawiyah li al-atfal*. Dlm. al-Nadwi, Muhammad Tariq al-Ayyubi. *Mawqif al-Shaykh Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi min al-afkar al-mu’asirah*. Lucknow: Matba’ Nu’mani.
- al-Sallabi, ‘Ali Muhammad. (2011). *al-Iman bi al-rusul wa al-risalat*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- al-‘Utum, Nasr ‘Abdullah Salamah. (2002). *Adab al-atfal ‘ind Abi al-Hasan al-Nadwi*. Dlm. al-Shaykh Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi: buhuth wa dirasat. Amman: Dar al-Bashir.
- al-Washmi, ‘Abdullah bin Salih bin Sulayman. (2005). *Juhud Abi al-Hasan al-Nadwi al-naqdiyah fi al-adab al-Islami*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Nashirun.
- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Fahmi Zamzam. (2000). *Abul Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi: sejarah hidup dan pemikirannya*. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Arba’ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 22, 66-89.
- Asma’ ‘Ali. (2017). Adab al-atfal ‘ind al-Sayyid Abi al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. *Majallah al-‘Ilm*, 2(1), 158-182.
- Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak, Loh Sau Cheong & Teh Ying Wah. (2008). Pendidikan kesusastraan awal kanak-kanak: isu dan masalah. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 77-89.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaithiri Arumugam & Rohaya Md. Ali. (2019). Buku kanak-kanak: analisis unsur estetika. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 151-165.
- Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Towpek. (2012). Nilai-nilai Islam dalam program pemulihan banduanita di penjara. *Jurnal Usuluddin*, 35, 99-116.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari (Edisi Khas)*, 51-65.
- Misran Rokimin. (2001). *Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan*. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja. Dewan Bahasa dan Pustaka, 26-27 April.

- Mohamad Akram Nadwi. (2013). *Shaykh 'Abu al-Hasan 'Ali Nadwi: his life and works*. West Yorkshire: Nadwi Foundation.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2019). *Pengenalan gagasan Sastera Islami: Dunia Arab dan Alam Melayu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai nilai-nilai murni dalam himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Kasim Ismail. (2002). *Kesusasteraan kanak-kanak dan remaja*. Serdang: Institut Pembelajaran dan Pendidikan Jarak Jauh (IDEAL), Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Rumaiuzzuddin Ghazali. (2016). *Biografi agung: Abu al-Hasan Ali al-Nadwi*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2020). al-Nadwi ulama Islam ulung di India. *Dewan Tamadun Islam*, Januari, 34-37.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2021). Keprihatinan al-Nadwi terhadap Sastera Kanak-kanak Islami. *Dewan Sastera*, Julai, 28-33.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020a). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan Sastera Islam. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020b). Tasawur Sastera Kanak-kanak Islami menurut perspektif al-Nadwi. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 37-59.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021a). Faktor-faktor pembentukan pemikiran al-Nadwi terhadap gagasan Sastera Islam. *RABBANICA: Journal of Revealed Knowledge*, 2(1), 65-87.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021b). Pandangan al-Nadwi tentang kepentingan al-sirah al-nabawiyah dalam pendidikan kanak-kanak. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 227-242.
- Muhammad Fathullah Kulan. (2005). *Min sifat al-anbiya' wa makanatuha min sayyid al-asfiya'*. (Terj.) Urkhan Muhammad Ali. Kaherah: Dar al-Nil li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Muhammad al-Ghazzali. (2005). 'Aqidah al-muslim. Cet. ke-4. Kaherah: Dar Nahdah Misr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Qutb. (2001). *Raka'iz al-iman*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad al-Rabi' al-Hasani al-Nadwi. (2019). Adab al-atfal: ahammiyatuh wa hajatuh. *al-Ba'th al-Islami*, 65(1), 21-27.
- Muhammad Sharif K. Wi. (2019). *A'mal Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi fi adab al-atfal: dirasah intiqā'iyyah*. Kertas kerja al-Mu'tamar al-Watani al-Thani li Bahithi al-Lughah al-'Arabiyyah hawla al-A'mal al-Nathriyyah al-'Arabiyyah bi al-Hind, 19 Jan.
- Rabih Khawiyyah. (2019). al-Adab al-Islami: qira'ah fi al-mustalah wa al-mafhum. *Majallah Dirasat Adabiyyah*, 11(1), 87-118.
- Rohayati Junaidi. (2020). Persekitaran kanak-kanak: satu penelitian terhadap novel kanak-kanak terpilih. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 1-17.
- Rosanita Hussin. (2018). *Psikologi kanak-kanak dalam cerpen-cerpen terpilih Zaharah Nawawi*. Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sajad Ahmad al-Nadwi. (2019). *Musahamat al-Shaykh Abi al-Hasan fi adab al-atfal*. Kertas kerja al-Mu'tamar al-Watani al-Thani li Bahithi al-Lughah al-'Arabiyyah hawla al-A'mal al-Nathriyyah al-'Arabiyyah bi al-Hind, 19 Jan.
- Sanaullah al-Azhari. (2017). Mafhum al-adab al-Islami wa islamiyah al-adab 'abr al-'usur. *Journal of Islamic and Religious Studies*, 2(2), 63-76.
- Seow Hooi Leen & Lin Chia Ying. (2019). Nilai murni dalam watak utama novel kanak-kanak Xu You Bin. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities*, 2(1), 14-25.
- Shafiq Ahmad Khan al-Nadwi. (2019). al-Adab al-qasasi al-tarbawi li al-atfal: Abu al-Hasan al-Nadwi unmuzajan. *al-Ba'th al-Islami*, 65(1), 49-55.
- Shafiq Ahmad Khan al-Nadwi. (2020). Dawr al-adab al-qasasi fi tarbiyah al-atfal wa juhud Abi al-Hasan al-Nadwi fihi. *al-Adab al-Islami*, 105, 34-39.
- Shamim Majid Khattak. (2012). Adab al-atfal fi a'mal Abi al-Hasan 'Ali al-Nadwi rahimahullah. *al-Dirasat al-Islamiyyah - Pakistan*, 47(1), 183-204.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2014). Konflik dalam cerita rakyat dan kesannya kepada kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185-205.
- Zulkifli Mohamad. (2015). *Maulana Syeikh Abu al-Hasan Ali al-Nadwi: da'i, muslih, alim dan rabbani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.